

## Akan disiasat

Mn. 18 MAR 1990  
undang adalah tidak salah bagi mana - mana pihak menerima wang dari luar.

"Tetapi kita ingin tahu, yang memberi itu dapat wang dari mana," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pihak pembangkang telah menggunakan berjuta - juta ringgit menentang kerajaan, khususnya dalam beberapa pilihan - raya kebelakangan ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, Pergerakan Pemuda UMNO telah membangkitkan perkara tersebut dalam pertemuan hari ini dan beliau telah menyatakan keperihatan kerajaan terhadap sensitiviti.

Katanya, dalam pertemuan lebih sejam itu, beliau juga telah menerangkan kepada pergerakan tersebut mengenai strategi dan perjuangan parti menghadapi pilihan - raya akan datang.

"Penerangan ini perlu diberikan supaya mereka dapat bergerak dengan asas dan pengetahuan yang kukuh untuk mencapai matlamat," katanya.

Melalui pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, beliau mendapat gambaran bahawa Pergerakan Pemuda UMNO sudah bersedia dari segi semangat tetapi masih mempunyai ruang yang besar untuk memperkukuhkan langkah - langkah yang perlu diambil.

"Mereka juga telah menyatakan pendirian terhadap parti - parti lawan," jelasnya.

Diminta mengulas saranannya untuk memperbaiki pencapaian perusahaan - perusahaan awam ketika berucap dalam satu majlis lain pada sebelah pagi ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa pendekatan baru perlu diambil memandangkan perusahaan - perusahaan tersebut banyak yang mengalami kerugian.

Katanya, perusahaan - perusahaan itu perlu berdikari tanpa banyak bergantung kepada peruntukan daripada kerajaan.

Menurutnya, memanglah benar ada pertindihan antara tanggungjawab sosial dan dasar keuntungan sesuatu perusahaan tetapi ia tidak seharusnya menjadi bebanan seperti bersaing dengan syarikat - syarikat bumiputera dalam bidang yang sama.

# Mereka menggunakan berjuta - juta ringgit menentang kerajaan — PM

# WANG PARTI PEMBANGKANG AKAN DISIASAT

Mn. 18 MAR 1990

**KUALA LUMPUR 17 Mac** — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menyiasat bagaimana parti lawan, khususnya Semangat 46, DAP dan PAS mendapat wang yang begitu banyak untuk menentang kepimpinan negara sekarang.

Perdana Menteri, bagaimanapun berkata, siasatan itu hanya akan dibuat sekiranya ada pihak yang membuat laporan rasmi.

"Buat masa ini kita hanya mendengar rungutan - rungutan sahaja," katanya.

Beliau memberitahu para pemberita demikian selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli - ahli jawatankuasa ba-

hagian Pergerakan Pemuda UMNO seluruh negara di Pusat Belia Antarabangsa di sini hari ini.

Pertemuan yang dihadiri oleh lebih 3,000 ahli anjuran Biro Penerangan Pemuda UMNO Malaysia itu turut dihadiri oleh ketuanya, Dato' Sri Najib Tun Razak dan Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat.

Menjawab pertanyaan pemberita, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mengesyaki mana - mana pihak termasuk dari luar yang menghulurkan bantuan kepada pembangkang.

"Kita cuma mahu tahu dari mana mereka mendapat perbelanjaan yang begitu besar untuk membuat rapat - rapat umum, menyediakan kenderaan yang banyak dan berbagai lagi," katanya.

Menjawab pertanyaan lagi, Perdana Menteri menegaskan bahawa dari segi undang -